

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	12/01/2018

'Calon Dr M umpama berpaut pada dahan rapuh'

BH-12/1/2018 Pg. 9

Kangar: Langkah pakatan pembangkang menamakan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai calon Perdana Menteri, umpama berpaut pada dahan yang rapuh.

Mursyidul Am PAS, Hashim Jasin, berkata rakyat terutama penyokong PAS dan golongan atas pagar, tidak sesekali melupakan kesalahan dilakukan Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) itu sepanjang 22 tahun menjadi Perdana Menteri.

"Tindakan pakatan ini seperti berpaut pada dahan yang rapuh, ia tidak tahan dan menunggu masa untuk patah. Persetujuan dia untuk (menjadi Perdana Menteri) sementara jika mereka menang, tidak meyakinkan kerana dia akan buat sebelum dia dapat.

"Mahathir ini ahli politik yang banyak idea. Hari ini bercakap, esok ada idea baharu, dia akan bertukar," katanya ketika ditemui

di Kompleks PAS Kangar, di sini, semalam.


Hashim berkata, rakyat tidak pernah lupa perkara yang tidak menyenangkan berlaku ketika pemerintahan Dr Mahathir dan mendakwa dosa paling besar dilakukan bekas Perdana Menteri itu adalah menarik bantuan sekolah agama.

Tidak disokong rakyat

Mengulas jumlah kerusi diperoleh Parti Amanah Negara (PAN), Hashim berkata, beliau terkejut kerana jumlah itu terlalu banyak berbanding kekuatan parti berkenaan dan yakin di mana sahaja parti itu bertanding, mereka tidak akan mendapat sokongan rakyat.

Selain itu, katanya, DAP akan memimpin gabungan berkenaan walaupun kerusi mereka sedikit berbanding PPBM dan PKR yang belum tentu menang semua kerusi ditandingi.





 Mahathir ini ahli politik yang banyak idea. Hari ini bercakap, esok ada idea baharu, dia akan bertukar"

Hashim Jasin,
 Mursyidul Am PAS

"Akhirnya yang akan mengetuai mereka adalah DAP. Jika ditakdirkan mereka menubuhkan kerajaan, kita sudah boleh nilai siapa akan mengetuai negara walaupun DAP tidak menjadi Perdana Menteri," katanya.

Cita-cita tak kesampaian

Di Shah Alam, bekas Ketua Pengerangan PAS Selangor, Norman Toha, mendakwa cita-cita Datuk Seri Anwar Ibrahim untuk menjadi Perdana Menteri kelapan tidak akan kesampaian kerana beliau yakin Dr Mahathir tidak akan melepaskan jawatan itu apabila dilantik sebagai Perdana Menteri.

"Jika Anwar dibebaskan awal Jun ini sekalipun, beliau masih tidak dapat bertanding pilihan raya selama lima tahun melainkan jika mendapat pengampunan Yang Dipertuan Agong (Pengampunan Diraja).

"Pengampunan diraja untuk Anwar adalah atas nasihat Perdana Menteri ketika itu iaitu Dr Mahathir (andai pakatan pembangkang menang PRU-14). Cita-cita Anwar sejak dulu untuk jadi Perdana Menteri tidak akan tercapai," katanya kepada BH.

Mengulas lanjut, Norman berkata, hubungan kerjasama di antara Dr Mahathir dengan parti lain dalam pakatan pembangkang adalah bermuka-muka, demi kepentingan peribadi Pengerusi PPBM itu sendiri.

"Atas dasar ini hampir semua kumpulan reformasi 1998 bimbang apabila Dr Mahathir diangkat sebagai Perdana Menteri jika pakatan menang PRU-14. Dr Mahathir marah Najib (Datuk Seri Najib Razak) sebab tidak mahu ikut apa yang dia mahu hingga mencetuskan dendam," katanya.